

## TEMA 9 PEKERJAAN

### Situasi 9.2 Guru sedang mengajar

Latar tempat : Sebuah bilik darjah

Ketua kelas : Selamat pagi, cikgu  
Semua murid : Selamat pagi, cikgu.  
Cikgu : Selamat pagi murid-murid. Sila duduk.  
Semua murid : Terima kasih cikgu.  
Cikgu : Baik, hari ini cikgu akan mengajar anda mengenai imbuhan.  
Sila buka buku teks bahasa Melayu.  
Semua murid : Baik, cikgu.  
Cikgu : Semua, sila buka muka surat 5.  
Finah, sila baca ayat pertama.  
Finah : Aizat berlari di dalam kelas.  
Cikgu : Baik murid-murid.  
Di dalam ayat itu terdapat kata kerja 'berlari'. Ia berasal dari kata dasar 'lari' yang diletakkan imbuhan 'ber' di hadapan. Jadi, 'berlari' merupakan kata yang menerima imbuhan.  
Semua murid faham?  
Semua murid : Faham, cikgu.

**Catatan : Panggilan untuk guru ialah 'cikgu'.**